



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**14 Januari 2023  
21 Jamadilakhir 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Perairan Kuantan 'port' buru ebek
Sinar Harian	• MAFS cakna masalah nelayan
The Star (Starmetro)	•
The Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	25	14.01.2023

# MAFS cakna masalah nelayan

Sinar ms25 14hb

Bagi memastikan kebajikan nelayan terus diperkasakan

Oleh **NURUL HIDAYAH HAMID**  
**KUALA KEDAH**

**K**ementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sentiasa bersiap siaga dan cakna dengan setiap permasalahan yang dihadapi oleh kumpulan sasaran nelayan.

Menurut Unit Komunikasi Korporat LKIM dalam satu kenyataan pada Khamis, ia bagi memastikan kebajikan nelayan terus diperkasakan, sekali gus keselesaan dan keperluan golongan tersebut diberi perhatian sewajarnya.

"MAFS juga komited menyediakan pelbagai bantuan yang komprehensif bagi meringankan beban nelayan menerusi LKIM. Untuk tujuan tersebut, penilaian secara

menyeluruh dilaksanakan dari masa ke masa agar keperluan golongan sasaran dapat diteliti bagi menyediakan bantuan sewajarnya kepada mereka.

"Kementerian melalui LKIM juga sentiasa berusaha dan terus membantu meringankan beban ditanggung golongan sasaran nelayan, selain kebajikan dan keselamatan mereka terjaga sebagai dukungan dalam memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa jua keadaan," menurut kenyataan itu.

Sebelum itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu turun padang menjayakan Program Jiwa Murni LKIM serta Majlis Penyampaian Bantuan kepada nelayan Kedah pada Khamis.

Beliau menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 kepada 690 orang nelayan yang merupakan ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Kedah melibatkan peruntukan sebanyak RM207,000.

Untuk rekod, sebanyak RM8.08 juta telah disalurkan melalui peruntukan ESHN LKIM untuk manfaat seramai 2,224



Mohamad (duduk, kanan) turun padang bagi menjayakan Program Jiwa Murni LKIM dan Majlis Penyampaian Bantuan Kepada Nelayan Negeri Kedah di Kuala Kedah pada Khamis.

penerima pada 2022 bagi negeri Kedah.

Dalam pada itu, setiap PNK di Kedah turut menerima Bantuan Touch Point sebanyak RM50,000 dengan setiap PNK di negeri ini, masing-masing menerima RM10,000 untuk diberikan kepada nelayan ahli persatuan yang berkecenderungan bagi pembelian peralatan menangkap ikan seperti pukat dan tong ikan berinsulasi.

Pada majlis sama, turut

disampaikan bantuan sumbangan zakat Agrobank sebanyak RM200 kepada 100 orang asnaf miskin nelayan PNK Kuala Kedah, selain pemberian Sijil Penghargaan Program Agro Nisaa' kepada lima penerima program pembiayaan komuniti nelayan di Kuala Kedah.

Ia hasil kerjasama strategik Agrobank dan Nekmat bagi menyokong komuniti nelayan dalam memastikan pendapatan isi rumah sosioekonomi komuniti ne-

layan dapat ditingkatkan.

Seramai 25 peserta terbahagi kepada lima kumpulan di kawasan Kuala Kedah dan sekitarnya juga menerima manfaat daripada program berkenaan dengan nilai pembiayaan melebihi RM150,000.

Program tersebut dilihat dapat membantu meningkatkan purata pendapatan usahawan sekitar 40 hingga 60 peratus daripada pendapatan sebelumnya.




UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	22	14.01.2023



PEMANCING disarankan menggunakan umpan udang hidup bagi memburu ebek yang berada di dasar laut. — GAMBAR ILMU

## Perairan Kuantan 'port' buru ebek

Gewang



Kosmo 0522  
14hb

MIE menunjukkan ikan ebek yang berjaya dipancingnya di Lubuk Ebek, Kuantan, Pahang.

Oleh GHAZALI ALIAS

**L**AUT menawarkan banyak lubuk yang boleh diterokai pemancing yang suka memburu ikan air masin. Memandangkan laut itu luas, kebiasaannya lubuk ikan hanya diketahui oleh kumpulan pemancing yang sering meneroka kawasan berkenaan untuk memancing.

Tidak hanya itu, nama-nama lubuk memancing di laut juga biasanya diberikan oleh para pemancing.

Justeru, tidak hairanlah sekiranya sesuatu kawasan lubuk itu mempunyai pelbagai gelaran.

Salah seorang pemancing tegar di laut Kuantan, Pahang, Mohd. Jamizan Abd. Jabar, 42, berkongsi tentang satu lokasi memancing di tengah laut yang dikenali sebagai Lubuk Ebek.

Seperti pemancing lain, Mohd. Jamizan atau lebih mesra disapa sebagai Mie berkata, kawasan tersebut digelar sebagai Lubuk Ebek kerana ia merupakan tempat tumpuan ikan ebek.

"Setiap kali memancing di sini kami sering mendapat ikan ebek. Disebab itu, saya panggil kawasan ini sebagai Lubuk Ebek.

"Lubuk ini tidak pernah mengecewakan saya. Setiap kali ke sini pasti ada habuan, bukan sekadar ebek tetapi ada kalanya boleh dapat tenggiri dan GT," katanya.

Tambah bapa kepada dua cahaya mata itu, dia juga pernah mendaratkan kerapu di lubuk tersebut, di mana ia merupakan spesies yang jarang berada di kawasan tersebut.

Kongsi Mie lagi, Lubuk Ebek terletak kira-kira 32 kilometer dari darat (Jeti Cenderawasih) mengala ke arah Pekan.

Katanya, dia sering ke lubuk tersebut sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Dalam pada itu, Mie berkongsi tip untuk memancing ebek yang berada di dasar laut.

"Untuk memancing ebek, apa



SEBAHAGIAN hasil tangkapan yang berjaya diperolehi oleh Mie bersama rakan-rakan sewaktu memancing di Lubuk Ebek.



KERAPU merupakan spesies ikan yang jarang ditemui di Lubuk Ebek.

yang diperlukan adalah umpan hidup, biasanya saya menggunakan udang. "Kelengkapan memancing juga perlu bersesuaian kerana untuk memburu ebek, kita akan menggunakan teknik bottom (memancing dasar)," ujarnya.

Menurutnya lagi, jika mahu menangkap tenggiri, dia akan menggunakan umpan tiruan dan memancing dengan teknik jiggling (memancing permukaan).

Bagi mereka yang mahu mencuba memancing di Lubuk Ebek, Mie menyarankan supaya merancang perjalanan ke kawasan tersebut terlebih dahulu.

Jelasnya, cuaca dan keadaan air di kawasan lubuk tersebut sukar diduga.

Tambah Mie lagi, hal tersebut merupakan antara cabaran memancing di laut dan boleh mengundang risiko kemalangan jika tidak diberi perhatian.

"Memancing di laut ini bergantung kepada nasib. Jika cuaca baik dan laut ada arus, mudah untuk kita dapat ikan. Andai sebaliknya, kita terpaksa pulang dengan tangan kosong.

"Untuk memancing di laut terutama di sebelah Pantai Timur, saya sarankan untuk datang sebelum musim tengkujuh iaitu antara Mei hingga Oktober," katanya.

Tambahnya lagi, setiap kali memancing, dia akan keluar awal pagi dan pulang menjelang senja.